

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421



Ikon Usahawan Wanita Berjaya: Chef Ustazah

Nor Haryanti Md Nor

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kota Bharu, Kelantan

*Koresponden: yanti647@uitm.edu.my

Pernah dinobatkan sebagai Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid Negeri Kelantan pada tahun 2021, Anugerah Ikon Usahawan Halal Negeri Kelantan 2016, Anugerah Inovasi Kelantan Tahun 2018 dan 2019 dan Anugerah Teknopreneur Mardi 2019, nama Hajah Wan Habsah Wan Ahmad atau terkenal dengan nama Chef Ustazah merupakan ikon usahawan wanita yang sangat disegani dan hebat. Produk keluarannya berasaskan makanan sangat digemari oleh segenap lapisan masyarakat. Berumur 48 tahun dan telah mendirikan rumahtangga dengan Haji Wan Abdul Fatah Hassan, 51 tahun. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan enam orang cahayamata.

Berlatarbelakangkan pendidikan dari dalam dan luar negara, Chef Ustazah merupakan bekas pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Beliau telah melanjutkan pengajian sarjana muda dan Sarjana di Universiti Mu'tah Jordan dalam jurusan Syariah dan Pengajian Islam. Sehingga kini, produk daripada Chef Ustazah telah dikenali ramai baik dalam negara mahupun diluar negara. Di antara produk yang dijenamakan Chef Ustazah ialah pes nasi arab, nasi dagang segera, nasi beriani, perencah gulai, pes kuzi, pes sambal tumis, pes gulai, pes sup, pes rendang, tepung ayam goreng cheese, perencah oden, tepung kek, macaroni carbonara cendawan, kicap manis, kicap masin, kicap sotong dan banyak lagi. Beliau berazam untuk menjenamakan produk chef Ustazah sebaris dengan jenama-jenama terkenal yang lain selain menaikkan produk halal Muslim di serata dunia.

Rujukan

[1] <https://chefustazah.onpay.my/order/form/chefustazahmart>

<http://wanitakelantan.com/hsk-2021tokoh-sayyidatina-khadijah-khuwailid-keusahawanan>

